

Newspaper	Sinar Harian
Date	13 June 2015

Najib perlu diganti dalam rombakan Kabinet

Sinar Harian - 13/6/2015

KUALA LUMPUR - Sekiranya desas-desus rombakan Kabinet yang dijangka berlaku selepas sambutan Aidilfitri adalah benar, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak adalah orang pertama yang perlu diganti, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed.

"Ya... mereka perlu buat. Orang pertama perlu diganti terlebih dahulu adalah perdana menteri. Hanya selepas ini baru Kabinet dirombak," katanya dalam sidang akhbar, selepas persidangan Plight of the Rohingya Part II Crime Against Humanity anjuran Yayasan Keamanan Sedunia Perdana (PGPF), semalam.

Mengulas berhubung kenyataan

Najib yang enggan meletakkan jawatan kerana tidak melakukan sesuatu yang salah, Dr Mahathir berkata, jika Najib tidak meletak jawatan itu bermakna Najib tidak faham apa yang dilakukan itu betul atau salah.

Menurutnya, beliau akan terus memberi tekanan kepada selagi Najib memegang jawatan sebagai perdana menteri.

"BN akan kalah pada pilihan raya akan datang. Kedudukan pembangkang tidak stabil... rakyat akan sengsara... Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan... kerana negara akan jadi anarki," katanya.

Sementara itu, mengulas berhubung insiden Nothing2Hide iaitu fo-

rum melibatkan Najib bersama NGO, Dr Mahathir berkata, itu merupakan kesilapannya kerana menyangka forum itu merupakan forum terbuka.

Katanya, beliau datang bukan untuk berdebat, tetapi untuk bertanyakan soalan seperti NGO lain.

"Mereka semua adalah NGO... saya juga NGO," katanya lagi.

Mengulas berhubung 1MDB, Dr Mahathir turut mencadangkan Presiden dan Pengarah Eksekutif 1MDB, Arul Kanda Kandasamy patut meletakkan jawatan.

"Semua orang tahu dia menipu... saya tidak percaya dia (Arul Kanda). Saya rasa dia perlu letak jawatan," katanya.



Dr Mahathir menyampaikan ucapan pada persidangan antarabangsa 'Plight of the Rohingya Part II Crime Against Humanity', semalam.